

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan andaian perakaunan.

Membayar sewa rumah kediaman berjumlah RM900 dan merekodkannya ke dalam buku akaun perniagaan.

Manakah andaian perakaunan yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Wang sebagai ukuran
- C Tempoh perakaunan
- D Entiti berasingan

- 2 Pernyataan manakah yang merupakan ciri sebuah milikan tunggal?

- A Liabiliti tidak terhad.
- B Diuruskan oleh pekongsi aktif.
- C Modal diperoleh melalui penjualan saham.
- D Pembahagian untung dalam bentuk dividen.

- 3 Pernyataan berikut adalah urus niaga sebuah perniagaan.

Puan Husna, pemilik Kedai Kasut Cinderella telah memulangkan enam pasang kasut kepada pembekal kerana rosak.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan Puan Husna?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Kedai Elektrik Alice menjual peti sejuk bernilai RM2 200 dengan harga RM3 400 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	2 200	(3 400)	1 200
B	3 400	2 200	(1 200)
C	(2 200)	3 400	1 200
D	(2 200)	(3 400)	(1 200)

- 5 Syarikat Mutiara menggunakan sistem kod yang berikut bagi membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
1000 - 1999	Hasil
2000 - 2999	Belanja
3000 - 3999	Aset
4000 - 4999	Liabiliti

Apakah nombor kod bagi Akaun Hutang Lapuk ?

- A** 1010
B 2020
C 3030
D 4040
- 6 Pilih padanan yang betul bagi dokumen dan urus niaga yang diberi.

	Dokumen	Urus Niaga
A	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai
B	Keratan cek	Bukti penerimaan wang
C	Nota debit	Pulangan barang niaga
D	Invois	Belian secara kredit

7 Antara berikut manakah dokumen bukan sumber bagi sesebuah perniagaan ?

I Penyata Bank

II Slip Bank

III Nota Kredit

IV Nota Serahan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Mountain Trading menjual 5 buah basikal secara kredit kepada Kedai Basikal Vincent.

Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod urus niaga tersebut oleh Kedai Basikal Vincent ?

A Jurnal Am

B Buku Tunai

C Jurnal Jualan

D Jurnal Belian

9 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Adila Enterprise bagi bulan Julai 2022.

	RM
Jumlah penerimaan	500
Baki akhir bulan	125

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

A RM125

B RM375

C RM500

D RM625

10 Akaun berikut diambil daripada lejar Kedai Chong.

Akaun Bank			
2022		RM	
Mac 30	Perniagaan Aiza	570	

Perniagaan Aiza					
			2022		RM
			Mac 30	Bank	570

Apakah urusan niaga yang berlaku pada 30 Mac 2022?

- A Terima cek daripada Perniagaan Aiza RM570
- B Belian barang niaga daripada Perniagaan Aiza RM570
- C Jualan barang niaga kepada Perniagaan Aiza RM570
- D Cek yang diterima daripada Perniagaan Aiza RM570 adalah cek tak laku

11 Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada Kedai LK Marketing.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
2022		RM	2022		RM
April 30	Bank	15 000	April 1	Baki b/b	9 850
	Pulangan Keluar	520	30	Q	8 620
	Baki h/b	2 950			
		18 470			18 470

Apakah Q?

- A Belian
- B Kontra
- C Diskaun
- D Pulangan Jualan

12 Apakah kelemahan sistem inventori berkala?

- A Memberi nilai inventori yang tepat
- B Merekodkan inventori sepanjang masa
- C Menggunakan teknologi terkini dan mahal
- D Perubahan nilai inventori tidak dapat diketahui

13 Akaun di bawah diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Sewa Diterima					
2021		RM	2021		RM
Dis 31	S	1 500	Dis 31	T	3 500
	Sewa Belum Terperoleh	2 000			
		3 500			3 500

Apakah yang diwakili oleh S dan T?

	S	T
A	Bank	Perdagangan
B	Perdagangan	Bank
C	Bank	Untung Rugi
D	Untung Rugi	Bank

- 14 Urus niaga berikut diambil daripada perniagaan milik Encik Hafsham.

Gaji bulanan pekerja Encik Hafsham ialah RM1 000. Pada akhir tempoh perakaunan yang berakhir 31 Disember 2021, gaji yang telah dibayar ialah sebanyak RM10 000.

Catatan pelarasan yang manakah yang betul dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021 Dis 31	Gaji Gaji Belum Bayar		RM 2 000	RM 2 000

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021 Dis 31	Gaji Belum Bayar Gaji		RM 2 000	RM 2 000

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021 Dis 31	Gaji Gaji Belum Bayar		RM 12 000	RM 12 000

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021 Dis 31	Gaji Belum Bayar Gaji		RM 12 000	RM 12 000

- 15 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada Perniagaan Hakimi.

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2021

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun belum terima	5 000	
Peruntukan hutang ragu		300

Selepas penyediaan Imbangan Duga, seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM1 500 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun belum terima bersih.

Apakah catatan bergu yang betul bagi urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Untung Rugi RM195	Peruntukan Hutang Ragu RM195
B	Peruntukan Hutang Ragu RM195	Untung Rugi RM195
C	Untung Rugi RM105	Peruntukan Hutang Ragu RM105
D	Peruntukan Hutang Ragu RM105	Untung Rugi RM105

- 16 Touchmate Enterprise membeli sebuah van. Penggunaan van dijangka selama 10 tahun. Susut nilai tahunan adalah sebanyak RM4 900. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM7 000.

Berapakah nilai kos van tersebut?

- A RM42 000
- B RM49 000
- C RM56 000
- D RM65 100

- 17 Berikut adalah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Tiga Dimensi.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

	Debit	Kredit
	RM	RM
Lengkapan	12 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		4 800

Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.

Berapakah harga jualan lengkapan pada 31 Disember 2021, jika perniagaan memperoleh untung atas pelupusan sebanyak RM1 700?

- A RM5 500
 B RM6 500
 C RM8 900
 D RM11 300
- 18 Kedai Sukan Azli membeli barang niaga RM2 540 secara kredit daripada Kedai Sukan Asli tetapi telah tersalah rekod ke dalam akaun Kedai Sukan Adli. Bagaimanakah kesilapan tersebut diperbetulkan dalam Jurnal Am ?

	Debit	Kredit
	RM	RM
A	Belian Kedai Sukan Asli	2 540 2 540
B	Belian Kedai Sukan Azli	2 540 2 540
C	Kedai Sukan Adli Kedai Sukan Asli	2 540 2 540
D	Kedai Sukan Azli Kedai Sukan Asli	2 540 2 540

19 Antara berikut manakah tujuan Analisis Penyata Kewangan?

- I Membantu pihak agensi kerajaan untuk tujuan percukaian
 - II Membantu pihak pengurusan menyediakan Penyata Kewangan
 - III Membantu pihak luar membuat keputusan mengenai kemudahan kredit
 - IV Membantu pihak pengurusan menilai prestasi dan membuat keputusan kewangan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Maklumat berikut diambil daripada Buku Perniagaan Muaz.

	RM
Inventori awal	2 850
Inventori akhir	1 400
Akaun belum terima	4 330
Simpanan tetap	5 000
Overdraf bank	1 260
Insurans prabayar	520
Akaun belum bayar	2 400

Berapakah nisbah ujian asid Perniagaan Muaz?

- A 1.33 : 1
 - B 1.71 : 1
 - C 2.69 : 1
 - D 3.07 : 1
-
- 21 Apakah rumus untuk mengira untung atau rugi dalam kaedah perbandingan?
- A Modal awal + Modal tambahan + Modal akhir - Ambilan
 - B Modal akhir + Ambilan + Modal awal – Modal tambahan
 - C Modal awal + Ambilan – Modal tambahan – Modal akhir
 - D Modal akhir + Ambilan – Modal awal – Modal tambahan

22 Berikut adalah maklumat berkaitan Lejar Jualan bagi Perniagaan Kilau

Akaun Kawalan Belum Terima

2021	RM	2021	RM
Jan 1 Baki b/b	1 740	Dis 31 Bank	7 500
		Pulangan jualan	150
		Diskaun diberi	80

Maklumat tambahan :

- i) Jualan tunai berjumlah RM1 900

Berapakah jumlah jualan?

- A RM1 900
 B RM3 640
 C RM5 990
 D RM7 890

23 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Gold Coast

	1 Julai 2021 RM	30 Jun 2022 RM
Faedah prabayar	150	210
Faedah belum bayar	300	180

Maklumat tambahan:

- i) Faedah yang sepatutnya bagi tempoh tersebut adalah RM2 500

Manakah catatan yang betul?

A

Akaun Bank			
Faedah	RM		
	2 500		

B

Akaun Bank			
		Faedah	RM
			2 500

C

Akaun Bank			
		Faedah	RM
			2 680

D

Akaun Bank			
Faedah	RM		
	2 680		

- 24 Berikut adalah petikan Penyata Penyesuaian Bank bagi Perniagaan Sani.

Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Ogos 2022	
Baki debit seperti di Buku Tunai	
Tambah:	
X	
Tolak:	
Y	
Baki kredit seperti Penyata Bank	

Apakah butir yang sesuai bagi X dan Y ?

	X	Y
A	Caj bank	Dividen
B	Faedah atas simpanan	Jualan (Cek tak laku)
C	Buku cek	Sewa (Arahan tetap)
D	Faedah atas pinjaman	Faedah atas overdraf

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Gemmoks Berhad.

	RM
Baki Penyata Bank	13 800
Cek belum dikemukakan	2 000
Deposit belum dikreditkan	920
Dividen	400

Berapakah baki akhir Buku Tunai?

- A RM12 320
 B RM(12 320)
 C RM15 280
 D RM(15 280)
- 26 Semasa menjalankan perniagaan perkongsian, berlaku perselisihan antara pekongsi. Tiada perjanjian antara pekongsi yang dibuat

Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi bagi menyelesaikan perkara tersebut?

- A Ikatan Perkongsian
 B Akta Perkongsian 1961
 C Perjanjian Perkongsian
 D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian AuuWat yang dimiliki oleh Auulia dan Wati.

	RM
Faedah atas ambilan	750
Faedah atas modal	1 000
Untung bersih	20 320
Untung dibahagi sama rata	

Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?

- A RM9 285
 B RM10 035
 C RM10 385
 D RM11 035
- 28 Mala dan Yaya merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Maya. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2021.

	RM
Gaji tahunan Mala	10 000
Gaji tahunan Yaya	8 000
Gaji telah dibayar kepada Mala	6 000
Gaji telah dibayar kepada Yaya	5 000

Berapakah gaji yang direkod dalam Akaun Semasa setiap pekongsi?

	Akaun Semasa Mala	Akaun Semasa Yaya
A	Debit RM6 000	Kredit RM 5 000
B	Debit RM4 000	Kredit RM3 000
C	Kredit RM6 000	Kredit RM5 000
D	Kredit RM4 000	Kredit RM3 000

29 Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I** Salah seorang pekongsi muflis
- II** Tempoh perkongsian telah tamat
- III** Tujuan penubuhan perkongsian belum tercapai
- IV** Pekongsi tidak mampu membayar hutang peribadi

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

30 Pilih susunan tatacara pembubaran perkongsian yang betul.

- I** Menjelaskan semua liabiliti perniagaan
- II** Menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun Tunai dan Akaun Bank
- III** Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- IV** Perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki dalam Akaun Modal dan Akaun Semasa

- A** I, II, III, IV
- B** I, IV, II, III
- C** II, I, IV, III
- D** II, IV, III, I

31 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian KuRos.

	RM
<u>Akaun Modal</u>	
Kursiah	60 000
Rosnah	40 000
<u>Akaun Semasa</u>	
Kursiah	1 500
Rosnah	320 (Debit)

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 30 April 2022?

A

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Kursiah	60 000	
Akaun Modal Rosnah	40 000	
		100 000
Akaun Semasa Kursiah	1 500	
Akaun Semasa Rosnah	320	
		1 820

B

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Kursiah	60 000	
Akaun Modal Rosnah	40 000	
		100 000
Akaun Semasa Kursiah	1 500	
Akaun Semasa Rosnah	(320)	
		1 180

C

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal		100 000
Akaun Semasa		1 820

D

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal		100 000
Akaun Semasa		1 180

- 32 Pada 1 Mac 2022 Syarikat Impiana Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM 2 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Mac 2022. Pada tarikh tersebut, Akaun Bank syarikat telah menerima lebihan langganan sebanyak RM20 000 untuk langganan Syer Biasa.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM2 320 000
 - B RM2 340 000
 - C RM4 000 000
 - D RM4 020 000
- 33 Maklumat yang berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Encik Khairul.

Pada 17 Januari 2021, Encik Khairul telah membeli 20 000 unit 6% syer keutamaan RM2 sesyer. Pada 31 Julai 2022, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk membayar dividen interim 6% syer keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama

Berapakah dividen interim Encik Khairul?

- A RM600
 - B RM800
 - C RM1 200
 - D RM2 400
- 34 Apakah matlamat utama penubuhan Kelab dan Persatuan?
- A Menjana keuntungan kelab
 - B Menjaga kebajikan ahli kelab
 - C Mewujudkan kerjasama sesama ahli
 - D Menggalakkan budaya gotong-royong
- 35 Manakah antara berikut merupakan pendapatan modal bagi Kelab Tennis Tunjong?
- A Untung kafeteria
 - B Derma membina gelanggang tenis
 - C Untung pertandingan tenis
 - D Yuran ahli

- 36 Pilih Rumus yang tepat untuk Kos Pengeluaran.
- A Kos Prima + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal
 - B Kos Prima + Belanja Langsung + Kos Overhed – Kerja Dalam Proses akhir
 - C Kos Prima + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal – Kerja Dalam Proses akhir
 - D Kos Prima + Kos Overhed + Belanja Langsung + Kerja Dalam Proses Awal –Kerja Dalam Proses Akhir
- 37 Item manakah yang terdapat dalam Akaun Perdagangan Kilang Susu Kacang Soya Padang Asam, Perlis?
- A Inventori awal bahan mentah
 - B Gaji operator kilang
 - C Kos Pengeluaran
 - D Royalti
- 38 Apakah tujuan utama Analisis Titik Pulang Modal?
- A Menentukan tahap pengeluaran yang optimum yang perlu dicapai untuk mengelakkan kerugian
 - B Melaksanakan penjimatan kos pengeluaran
 - C Menentukan tahap jualan yang maksimum
 - D Mencapai tahap kecekapan pekerja
- 39 Pernyataan berikut merupakan kos yang terlibat dalam Kilang Kicap Soya Bukit Keteri.

	RM
Harga Jualan Seunit	6
Kos Berubah Seunit	2
Kos Tetap	1 800

Berapakah Titik Pulang Modal yang baru sekiranya kos berubah seunit meningkat sebanyak RM2 daripada kos asal?

- A 300 unit
- B 500 unit
- C 700 unit
- D 900 unit

- 40 Maklumat berikut dipetik daripada Kilang Biskut Guar Medang.

	RM
Kos Tetap	18 000
Kos Berubah Seunit	16
Harga Jualan Seunit	24

Berapakah unit pengeluaran yang akan dihasilkan jika sasaran untungnya ialah RM7 000?

- A 625 unit
- B 1 375 unit
- C 2 250 unit
- D 3 125 unit

KERTAS SOALAN TAMAT